

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	30/3/2012

# Bahasa cerminan identiti, ilmu bangsa - Dr. M

um - 30/3/2012

PUTRAJAYA 29 Mac - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamed berkata, bahasa bukan sahaja mampu memainkan peranan untuk mengenal pasti identiti sesuatu bangsa tetapi menjadikan sesuatu bangsa itu terpelajar.

Beliau berkata, sejarah telah membuktikan bagaimana sesebuah tamadun itu berkembang pesat apabila rakyatnya berusaha mendalami mana-mana bahasa untuk menguasai ilmu pengetahuan.

"Kegemilangan Tamadun Islam sebelum ini berpunca daripada sikap orang Arab yang memeluk Islam ketika itu berusaha mendalami bahasa Greek yang dianggap sebagai bahasa ilmu dan mereka telah menterjemahkannya ke dalam bahasa Arab.

"Keadaan itu telah menyebabkan bahasa Arab dikenali sebagai bahasa ilmu sehingga menarik ramai orang Eropah mendalaminya bagi menguasai ilmu yang ada," katanya ketika berucap merasmikan Seminar Pendidikan Melayu Antarabangsa anjuran Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

di sini hari ini.

Turut hadir Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Ali Mohd Rustam; Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Dr. Md. Isa Sabu dan Naib Canselor UniMAP, Prof. Datuk Dr. Kamarudin Hussin.

Seminar tiga hari itu yang bermula hari ini bertemakan *Mentransformasi Aspirasi Pendidikan, Menginovasi Penciptaan Warisan*.

Justeru, Dr. Mahathir berkata, masyarakat yang fanatik kepada bahasa sendiri akan menyebabkan mereka ketinggalan bukan hanya dari segi pembangunan tetapi juga penguasaan ilmu pengetahuan.

Malah beliau menambah, sikap sedemikian juga akan menyebabkan bahasa tersebut sukar untuk berkembang dan dikuasai oleh bangsa lain.

"Walaupun bahasa ilmu hari ini adalah bahasa Inggeris tetapi tidak bermakna bahasa Melayu perlu kita pinggirkan, kita mesti pupuk bahasa itu kerana mungkin satu masa nanti, ia akan menjadi bahasa ilmu," katanya.